

Masalah hakisan semakin teruk

BATUPAHAT - Masalah hakisan pantai di sekitar daerah ini dilihat semakin membimbangkan terutama apabila tiada tindakan susulan dilakukan bagi mengatasinya.

Sehubungan itu, baru-baru ini, Pusat Khidmat Ahli Parlimen Batu Pahat dan Pusat Aduan PKR Cabang Batu Pahat meninjau kawasan berkenaan.

Ahli Parlimen Batu Pahat, Datuk Idris Jusi berkata, pihaknya menerima aduan berkaitan hakisan yang semakin teruk.

Menurutnya, situasi itu dibimbangi mendatangkan kesan buruk pada alam sekitar dan masyarakat nelayan yang bergantung hidup dengan hasil laut.

Jelasnya, pelbagai kesan jangka pendek dan panjang boleh berlaku jika isu hakisan pantai ini tidak diatasi segera kerana pelbagai masalah akan timbul termasuk kebimbangan orang ramai yang tinggal di tepi pantai.



Idris meninjau kawasan pantai di Batu Pahat yang mengalami masalah hakisan.

“Turut musnah ialah projek ternakan udang yang diusahakan rakyat dan menyebabkan bilangannya berkurangan.

“Penduduk setempat juga bimbang jika masalah ini tidak ditangani segera akan menyebabkan tanaman di kebun kelapa dan kelapa sawit musnah,” katanya.

Beliau berkata, masalah lain yang turut mendapat perhatian pihaknya ialah keadaan muara di beberapa sungai yang semakin cetek, terutama di sungai Parit Botak

yang didakwa tidak diselenggara mengikut jadual.

“Saya percaya golongan nelayan mahu kan agensi berkaitan supaya mengambil serius masalah yang mereka hadapi dengan segera.

“Saya akan memanjangkan berkenaan isu ini kepada pihak berkaitan kerana mereka bukan sekadar memberikan subsidi bulanan RM200, tetapi perlu cadang bantuan lain,” katanya.